



Bank Pilihan Anda

**KEMPEN KADAR KEUNTUNGAN ISTIMEWA**  
**PEMBIAYAAN PERIBADI-i AWAM DAN RAKAN PINTAR**

**TERMA DAN SYARAT**

**A. Syarat-Syarat dan Kelayakan Kempen**

1. Kempen kadar keuntungan istimewa ini terbuka kepada semua pelanggan baharu dan sedia ada Bank Rakyat dari Sektor Awam, GLC dan anak syarikat yang berwarganegara Malaysia dan memohon produk Pembiayaan Peribadi-i.
2. Penyertaan ini hanya layak kepada permohonan yang menepati Terma dan Syarat sepanjang tempoh kempen berlangsung KECUALI warga kerja Bank Rakyat.
3. Mekanisma penyertaan adalah seperti berikut:
  - 3.1. Kelayakan pelanggan bagi kempen kadar keuntungan promosi Pembiayaan Peribadi-i Awam dan Rakan PINTAR ini adalah seperti berikut:
    - a. Permohonan produk Pembiayaan Peribadi-i (kadar keuntungan terapung) yang terlibat:
      - Pembiayaan Peribadi-i Awam
      - Pembiayaan Peribadi-i Awam (Penyatuan Hutang)
      - Pembiayaan Peribadi-i Rakan PINTAR
      - Pembiayaan Peribadi-i Rakan PINTAR (Penyatuan Hutang)
    - b. Tujuan Pembiayaan:
      - Pembiayaan baharu atau semula (overlap) Pembiayaan Peribadi-i sedia ada.
    - c. Syarat-syarat:
      - Tiada rekod tunggakan melebihi dua bulan dalam Laporan Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS) bagi tempoh enam bulan terkini; DAN
      - Cara bayaran ansuran melalui salah satu cara berikut:
        - i. Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA); ATAU
        - ii. Potongan Gaji Majikan (PGM); ATAU
        - iii. Pindahan gaji dengan pendapatan minimum RM3,000.

3.2. Kadar keuntungan promosi yang ditawarkan adalah seperti berikut:

Cara Bayaran Ansuran	Perlindungan Takaful	Tempoh (Tahun)	Kadar Keuntungan
BPA/PGM/ Pindahan Gaji	Dengan Takaful	Sehingga setahun	KAS + 1.75 setahun
		Melebihi setahun hingga 3 tahun	KAS + 1.81 setahun
		Melebihi 3 hingga 10 tahun	KAS + 2.20 setahun

Nota:

- a. Kadar Asas Standard (KAS) semasa ialah 3.00%
- b. Kadar siling = Kadar Efektif + 4.00%

4. Penyertaan kempen ini adalah tertakluk pada kelulusan Bank Rakyat sepenuhnya dan juga Terma dan Syarat yang terkandung di sini.
5. Bank Rakyat boleh meluluskan atau menolak sebarang permohonan pembiayaan dan penyertaan kempen ini.

## B. Tempoh Kempen

1. Tempoh kempen bermula pada 13 Disember 2024 sehingga 30 Jun 2025.
2. Bank Rakyat boleh menukar atau meminda tempoh kempen ini sekiranya perlu. Sebarang perubahan akan dimaklumkan menerusi laman web rasmi atau media sosial Bank Rakyat.

## C. Lain-Lain

1. Dengan menyertai kempen ini, peserta/pelanggan bersetuju untuk membenarkan Bank, anak syarikat, sekutu, pemegang lesen, pengarah, pegawai, ejen, kontraktor bebas dan agensi pengiklanan menggunakan nama peserta/pelanggan dan butiran peribadi (jika diperlukan) untuk tujuan komunikasi dan kempen dalam mana-manamedia sekarang atau yang telah dirancang tanpa bayaran tambahan, melainkan jika dilarang oleh undang-undang.
2. Melainkan diperuntukkan secara khusus atau sebaliknya, Bank Rakyat boleh meminda, membatalkan atau menambah mana-mana Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa di laman sesawang bank atau sebarang medium komunikasi lain yang bersesuaian. Pelanggan adalah dianggap bersetuju untuk terikat dengan sebarang pindaan, pemotongan atau penambahan tersebut.

3. Bank Rakyat berhak untuk menolak dan/atau mengeluarkan sebarang penyertaan yang tidak tepat, tidak lengkap, mencurigakan dan tidak sah serta tidak memenuhi syarat-syarat seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini.
4. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan, kehilangan, kekurangan, kerosakan pada borang penyertaan, makluman atau apa-apa koresponden sama ada melalui e-mel, surat atau medium komunikasi yang bersesuaian.
5. **PENAFIAN: TERTAKLUK KEPADA APA YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, BANK RAKYAT DAN ANAK SYARIKATNYA TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA PELANGGAN ATAU PEMOHON ATAU MANA-MANA PIHAK KETIGA (KECUALI UNTUK LIABILITI YANG TIMBUL DARI KECUAIAN MELAMPAU, SALAH LAKU, SENGAJA, FRAUD ATAU KEINGKARAN SENGAJA BANK RAKYAT) UNTUK KEROSAKAN LANGSUNG, TIDAK LANGSUNG, KHAS, SAMPINGAN, GANTI RUGI TAULADAN ATAU AKIBAT KEROSAKAN (TERMASUK KEHILANGAN PENGGUNAAN, DATA, PERNIAGAAN ATAU KEUNTUNGAN) YANG TIMBUL DARIPADA ATAU BERKAITAN DENGAN PENYERTAAN ANDA DALAM KEMPENINI, SAMA ADA LIABILITI TERSEBUT BERLAKU BERPUNCA DARIPADA APA-APA TUNTUTAN BERASASKAN KEPADA KONTRAK, JAMINAN, TORT (TERMASUK KECUAIAN), LIABILITI KETAT ATAU SEBALIKNYA, DAN SAMA ADA PELANGGAN ATAU PEMOHON TELAH DINASIHATKAN ATAU TIDAK KEMUNGKINAN KERUGIAN ATAU KEROSAKAN BOLEH BERLAKU.**
6. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kemungkinan yang disebabkan oleh bencana alam, perang, rusuhan, perintah berkurung, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik, pandemik, kegagalan sistem atau sebarang situasi di luar kawalan Bank Rakyat.
7. Dengan menyertai kempen ini, peserta atau pelanggan dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk menepati Terma dan Syarat yang terkandung di sini, termasuk keputusan yang dibuat oleh pihak Bank Rakyat yang dianggap muktamad, terikat dan menyeluruh.
8. Terma dan Syarat ini tertakluk dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.

Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan Bank Rakyat di talian **1300 80 5454**; atau kunjungi mana-mana cawangan Bank Rakyat; atau layari laman sesawang Bank Rakyat.